



RAMAN (dua kiri) menyampaikan cendera kenangan kepada Takayuki (dua kanan) pada majlis perasmian persidangan berkenaan.

Kelesterian melalui Eco Kampus UMS

UB 21.3.2018 A2

Oleh ALFRED PETRUS

KOTA KINABALU: Kelesterian kampus sedang dijalankan oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Eco Kampus.

Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin berkata usaha berkenaan adalah bagi mengukuhkan kelebihan UMS dalam memperluaskan budaya kelestarian amalan pengajaran, penyelidikan, pengurusan dan operasi.

“Kami menjalankan pelbagai usaha dalam melaksanakan penyelidikan untuk memahami implikasi jangka panjang bagi cabaran-cabaran yang wujud ke dalam konteks tempatan dan global.

“UMS juga sentiasa berusaha untuk memupuk pelajar, masyarakat dan pihak berkepentingan untuk menjadi ejen perubahan dalam mengurangkan kesan aktiviti manusia ke atas alam sekitar,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Persidangan Serantau Mengenai Kelestarian Kampus Kelima 2018 (5RCCS2018) di sini pada Sabtu.

Teks ucapannya dibacakan oleh Dekan Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan Prof. Madya Dr. Raman Noordin.

Katanya UMS kini berkongsi kepakaran, hasil

penyelidikan dan inovasi mereka dengan arena global melalui pelbagai saluran.

“Antaranya seperti Rangkaian Penyelesaian Pembangunan Mampan Negara (SDSN), Rangkaian Kampus Kemampuan Antarabangsa (ISCN) dan Jaringan Kelestarian ASEAN Tenggara (SEASN).

“Melalui usaha kolektif UMS, kini kami menduduki tangga keempat universiti paling mapan di dunia berdasarkan U Greenmetrics World University Ranking 2016,” katanya.

Sementara itu, katanya penganjuran Persidangan Serantau Mengenai Kelestarian Kampus Kelima 2018 dengan kerjasama antara UMS, Universiti Adamson Filipina dan Institut Teknologi Nasional Kolej Fukushima Jepun adalah satu usaha mengetengahkan idea kelestarian ke peringkat serantau.

Pada persidangan berkenaan, seramai 120 orang peserta dari 32 universiti, kolej dan institusi dalam dan luar negara seperti Filipina, Jepun, Thailand dan Indonesia membantangkan 58 kertas kerja dan 10 poster akademik sepanjang dua hari penganjuran.

Turut hadir Presiden Universiti Adamson Filipina Fr. Marcelo V. Manimtim dan Presiden Institut Teknologi Nasional Kolej Fukushima Takayuki Nakamura.